



# **BUKU PANDUAN PROSES PENGAJIAN SISWAZAH**

MOD PENYELIDIKAN

DOKTOR FALSAFAH BAHASA INGGERIS

SARJANA BAHASA INGGERIS

DOKTOR FALSAFAH BAHASA ARAB

SARJANA BAHASA ARAB

KOD NEC 0231 – PEMEROLEHAN BAHASA

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

# **BUKU PANDUAN PROSES PENGAJIAN SISWAZAH**

MOD PENYELIDIKAN

DOKTOR FALSAFAH BAHASA INGGERIS

SARJANA BAHASA INGGERIS

DOKTOR FALSAFAH BAHASA ARAB

SARJANA BAHASA ARAB

KOD NEC 0231 – PEMEROLEHAN BAHASA

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

**2025**

**AHLI JAWATANKUASA  
BUKU PANDUAN PROSES PENGAJIAN SISWAZAH  
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI, UniSZA**

**PENASIHAT**

Dr. Zurina binti Khairuddin

**KETUA JAWATANKUASA BUKU PANDUAN**

Dr. Nor Azikin binti Mohd Omar

**JAWATANKUASA BAHASA INGGERIS**

Dr. Nor Azikin binti Mohd Omar (Ketua)

Prof. Madya Engku Suhaimi bin Engku Atek

**JAWATANKUASA BAHASA ARAB**

Dr. Siti Salwa binti Mohd Noor (Ketua)

Prof. Madya Dr. Zulazhan bin Ab. Halim

Prof. Madya Dr. Nurazan binti Mohmad Rouyan

**JAWATANKUASA BAHASA MELAYU**

Dr. Norhidayu binti Hasan (Ketua)

Puan Nazilah binti Mohamad

**JAWATANKUASA TEKNIKAL**

Puan Nor Jijidiana binti Azmi

Dr. Mohd Fauzi bin Abdul Hamid

**SEKRETARIAT**

Puan Nik Nur Ain binti Nik Yusoff

Encik Muhammad Zulhilmi bin Awi

# **ISI KANDUNGAN**

Singkatan	i
Proses Pengajian	ii
1.0 Pendaftaran Awal Pengajian	1
2.0 Penyertaan Kursus dan Ujian Metodologi Penyelidikan (PPS)	1
3.0 Penulisan Usulan Penyelidikan	2
4.0 Pelaporan Kemajuan Penyelidikan Setiap Akhir Semester	2
5.0 Pembayaran Yuran Setiap Awal Semester	3
6.0 Pendaftaran Pengajian Setiap Semester	3
7.0 Pembentangan Usulan Penyelidikan	4
8.0 Penulisan Dapatan dan Perbincangan untuk Pemantapan Tesis (Pre Viva)	5
9.0 Pembentangan Pemantapan Tesis (Pre Viva)	6
10.0 Notis Penyerahan Tesis (NoS)	8
11.0 Pengesahan Abstrak	7
12.0 Proses Lain Yang Berkaitan	7
13.0 Nota Penting	9
Lampiran 1 - 4	11

# SINGKATAN

<b>FBK</b>	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
<b>JKPS</b>	Jawatankuasa Pengajian Siswazah
<b>GoT</b>	<i>Graduate on Time</i>
<b>NEC</b>	National Education Code
<b>NoS</b>	Notis Penyerahan Tesis
<b>LKP</b>	Laporan Kemajuan Penyelidikan
<b>TM</b>	Tidak Memuaskan
<b>SISMAS</b>	Sistem Maklumat Siswazah
<b>PPS</b>	Pusat Pengajian Siswazah
<b>UniSZA</b>	Universiti Sultan Zainal Abidin

# PROSES PENGAJIAN



## **1.0 PENDAFTARAN AWAL PENGAJIAN**

- 1.1 Pelajar yang telah mendapat penawaran kemasukan oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS) boleh melakukan pendaftaran semester pengajian secara dalam talian di laman sesawang rasmi PPS atau bersemuka di pejabat PPS.
- 1.2 Pelajar perlu melakukan semakan *National Education Code* (NEC) di Portal Pelajar bagi mengelakkan sebarang kesilapan dalam pendaftaran program pengajian.
- 1.3 Sebarang kesilapan berkaitan NEC perlu dilaporkan kepada pihak Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK).

## **2.0 PENYERTAAN KURSUS DAN UJIAN METODOLOGI PENYELIDIKAN (PPS)**

- 2.1 Pelajar **WAJIB** menghadiri dan **LULUS** ujian Kursus Metodologi Penyelidikan yang dianjurkan oleh PPS pada tahun **PERTAMA** pengajian.
- 2.2 Pelajar yang tidak lulus Kursus Metodologi Penyelidikan tidak perlu menghadiri semula kursus berkenaan namun **WAJIB** mengulang ujian kursus.
- 2.3 Tempoh sah laku sijil kehadiran dan lulus ujian Kursus Metodologi Penyelidikan ialah **LIMA (5)** tahun. Sila rujuk PPS untuk maklumat lanjut berkenaan kursus dan ujian.
- 2.4 Sekiranya sijil telah melepassi tempoh sah laku, pelajar **WAJIB** menghadiri semula dan **LULUS** ujian Kursus Metodologi Penyelidikan.
- 2.5 Pelajar yang telah mengikuti Kursus Metodologi Penyelidikan di institusi lain yang setara perlu mendapat kelulusan pengecualian daripada Dekan PPS tertakluk kepada syarat berikut:
  - 2.5.1 Pelajar harus menghantar surat permohonan pengecualian dan melampirkan sijil atau dokumen yang berkaitan sebagai bukti.
  - 2.5.2 Pengecualian hanya diberikan sekiranya pelajar telah menghadiri kursus tersebut dalam tempoh **LIMA (5)** tahun sebelum pendaftaran pengajian. Sila rujuk Buku Panduan Siswazah (Mod Penyelidikan) yang terkini oleh PPS untuk maklumat lanjut.
  - 2.5.3 Pelajar yang tidak lulus Kursus Metodologi Penyelidikan **TIDAK DIBENARKAN** untuk melakukan Pembentangan Usulan Penyelidikan, Pemantapan Tesis dan membuat permohonan Notis Penyerahan Tesis (NoS).

## **3.0 PENULISAN USULAN PENYELIDIKAN**

- 3.1 Pelajar akan dibimbing oleh penyelia sepanjang proses penulisan usulan penyelidikan.
- 3.2 Pelajar **WAJIB** mematuhi syarat penulisan usulan penyelidikan seperti mana berikut:
  - 3.2.1 Menulis **TIGA (3)** bab pertama iaitu Pendahuluan, Sorotan Literatur dan Metode. Pelajar digalakkan untuk menyertakan data kajian rintis.
  - 3.2.2 Penulisan usulan penyelidikan hendaklah antara 8,000 hingga 10,000 patah perkataan.
  - 3.2.3 Menulis abstrak di dalam bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris atau bahasa Arab antara 200 hingga 250 patah perkataan. Abstrak hendaklah mengandungi Pendahuluan, Metode dan Jangkaan Dapatan. Sila rujuk templat abstrak di Lampiran 1.

## **4.0 PELAPORAN KEMAJUAN PENYELIDIKAN SETIAP AKHIR SEMESTER**

- 4.1 Laporan Kemajuan Penyelidikan (LKP) perlu diisi oleh pelajar pada setiap semester melalui Portal Pelajar **SEBELUM** bermula sesi pendaftaran semester baharu. Hebah berkenaan tempoh pengisian laporan akan dikeluarkan oleh PPS.
- 4.2 LKP tersebut akan dinilai oleh penyelia utama melalui Sistem Maklumat Siswazah (SISMAS). Pelajar akan diberikan keputusan **MEMUASKAN (M)** atau **TIDAK MEMUASKAN (TM)** berdasarkan penilaian oleh penyelia utama.
- 4.3 Pelajar boleh mencetak salinan LKP melalui Portal Pelajar.
- 4.4 Pelajar akan ditamatkan pengajian sekiranya mendapat keputusan TM selama **DUA (2)** semester berturut-turut.
- 4.5 Pelajar atau penyelia yang mempunyai masalah atau gagal mengisi LKP secara dalam talian boleh menghantar borang LKP kepada PPS secara manual dengan mengisi borang Laporan Kemajuan Penyelidikan (PPS 14-A dan PPS 14-B).
- 4.6 Borang tersebut boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi PPS.
- 4.7 Kegagalan mengisi LKP akan menyebabkan pelajar **TIDAK** boleh membuat pendaftaran semester berikutnya.

## **5.0 PEMBAYARAN YURAN SETIAP AWAL SEMESTER**

- 5.1 Pelajar **WAJIB** membayar yuran pengajian pada awal semester berdasarkan maklumat yuran yang ditetapkan oleh PPS.
- 5.2 Segala urusan pembayaran hendaklah dilakukan di Pejabat Bendahari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- 5.3 Bukti pembayaran perlu disertakan ketika membuat pendaftaran pengajian semester.
- 5.4 Pelajar yang gagal membuat pembayaran yuran pendaftaran **TIDAK** dibenarkan untuk mendaftar pengajian pada semester semasa.

## **6.0 PENDAFTARAN PENGAJIAN SETIAP SEMESTER**

- 6.1 Pelajar perlu mengisi LKP pada semester sebelumnya dan membayar yuran pengajian bagi membolehkan pendaftaran semester berikutnya dapat dilakukan.
- 6.2 Pendaftaran hanya boleh dilakukan selepas selesai pembayaran yuran pada semester semasa.
- 6.3 Pelajar yang tidak mendaftar pada semester sebelumnya **TIDAK DIBENARKAN** mendaftar bagi semester semasa.
- 6.4 Pelajar perlu membuat pendaftaran pada semester semasa secara dalam talian mengikut tarikh yang ditetapkan sepetimana dalam notis pendaftaran melalui hebahan Portal Pelajar. Makluman berkenaan tempoh pendaftaran akan dikeluarkan oleh PPS.
- 6.5 Kelewatan pendaftaran dari tarikh yang ditetapkan akan dikenakan bayaran denda.
- 6.6 Pelajar yang tidak mendaftar tidak layak untuk membuat sebarang proses atau permohonan berkaitan pengajian.
- 6.7 Pelajar yang gagal mendaftar sebanyak **DUA (2)** semester berturut-turut akan ditamatkan pengajian serta-merta.

## **7.0 PEMBENTANGAN USULAN PENYELIDIKAN**

- 7.1 Pelajar yang ingin membuat permohonan Pembentangan Usulan Penyelidikan perlu memenuhi syarat berikut:
- 7.1.1 Mendaftar pada semester semasa.
  - 7.1.2 Menghadiri dan lulus Kursus Metodologi Penyelidikan anjuran PPS berdasarkan Perkara 2.0
- 7.2 Untuk proses penghantaran usulan penyelidikan, pelajar perlu menghantar dokumen berikut:
- 7.2.1 Borang Perakuan Pembentangan (FBK- 01).
  - 7.2.2 Sijil kehadiran dan lulus Kursus Metodologi Penyelidikan anjuran PPS.
  - 7.2.3 **DUA (2)** salinan usulan penyelidikan dalam bentuk jilid gegelung.
  - 7.2.4 **SATU (1)** salinan tesis dalam bentuk PDF dan dihantar kepada [jkpsfbk@gmail.com](mailto:jkpsfbk@gmail.com)
- 7.3 Semua dokumen tersebut perlu dihantar ke pejabat FBK kecuali Perkara 7.2.4
- 7.4 Pembentangan akan dilakukan di dalam kolokium fakulti. Kolokium akan dijalankan secara hibrid pada **MINGGU KETIGA** setiap bulan. Sila rujuk laman sesawang rasmi FBK untuk maklumat lanjut tentang tarikh kolokium.
- 7.5 Sesi pembentangan adalah terbuka kepada semua yang berminat.
- 7.6 Usulan penyelidikan akan diperiksa oleh sekurang- kurangnya **SEORANG (1)** pemeriksa dalam bidang, sama ada dari FBK, fakulti lain di UniSZA atau institusi luar.
- 7.7 Jawatankuasa Panel Penilai akan memaklumkan salah satu keputusan berikut kepada pelajar:
- 7.7.1 Lulus tanpa pembetulan.
  - 7.7.2 Lulus dengan pembetulan kecil.
  - 7.7.3 Lulus dengan pembetulan besar.
  - 7.7.4 Lulus dengan pembetulan besar dan ulang pembentangan.

- 7.8 Sekiranya lulus (Perkara 7.7.1, 7.7.2 atau 7.7.3), pelajar akan dibenarkan untuk mengutip data dan meneruskan penulisan tesis.

## **8.0 PENULISAN DAPATAN DAN PERBINCANGAN UNTUK PEMANTAPAN TESIS (*PRE VIVA*)**

- 8.1 Pelajar akan dibimbing oleh penyelia sepanjang proses penulisan tesis.
- 8.2 Pelajar **WAJIB** mematuhi syarat penulisan tesis seperti berikut:
- 8.2.1 Menulis sekurang-kurangnya **LIMA (5)** bab merangkumi Pendahuluan, Sorotan Literatur, Metode, Keputusan dan Perbincangan, dan Kesimpulan.
  - 8.2.2 Menulis mengikut templat yang disediakan oleh PPS. Templat tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi PPS.
  - 8.2.3 Penulisan usulan penyelidikan hendaklah septimana berikut:
    - a. Doktor Falsafah: Maksimum 80,000 patah perkataan
    - b. Sarjana: Maksimum 50,000 patah perkataan
  - 8.2.4 Abstrak dalam bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris atau bahasa Arab adalah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Penulisan abstrak hendaklah merangkumi Pendahuluan, Metode, Keputusan dan Kesimpulan. Sila rujuk templat abstrak pada Lampiran 2.
- 8.3 Sekiranya pelajar memerlukan surat lantikan pakar rujuk atau pakar kesahan instrumen penyelidikan, pelajar boleh memohon secara bersemuka di pejabat FBK atau secara e-mel kepada [jkpsfbk@gmail.com](mailto:jkpsfbk@gmail.com)
- 8.4 Sekiranya pelajar memerlukan surat kebenaran menjalankan penyelidikan, pelajar harus mendapatkan kebenaran daripada penyelia.
- 8.5 Setelah mendapat kebenaran penyelia, permohonan boleh dibuat secara bersemuka di pejabat FBK atau secara e-mel kepada [jkpsfbk@gmail.com](mailto:jkpsfbk@gmail.com)

## **9.0 PEMBENTANGAN PEMANTAPAN TESIS (*PRE VIVA*)**

- 9.1 Pelajar yang ingin membuat permohonan untuk Pemantapan Tesis (*Pre Viva*) perlu memenuhi syarat berikut:
  - 9.1.1 Mendaftar pada semester semasa.
  - 9.1.2 Mendapat kelulusan penyelia.
  - 9.1.3 Tempoh pengajian telah mencapai minimum 12 bulan selepas pendaftaran pengajian bagi program Sarjana dan 24 bulan bagi program Doktor Falsafah.
- 9.2 Untuk proses penghantaran Pemantapan Tesis (*Pre Viva*), pelajar perlu menghantar dokumen berikut:
  - 9.2.1 Borang Perakuan Pembentangan (FBK-01).
  - 9.2.2 **SATU (1)** salinan laporan semakan plagiarisme yang telah diperakukan oleh penyelia utama.
  - 9.2.3 **TIGA (3)** salinan tesis dalam bentuk jilid gegelung.
  - 9.2.4 **SATU (1)** salinan tesis dalam bentuk PDF dan dihantar kepada [jkpsfbk@gmail.com](mailto:jkpsfbk@gmail.com)
- 9.3 Laporan semakan plagiarisme mesti kurang daripada 25% dan menggunakan perisian penapisan plagiat yang digunakan oleh PPS.
- 9.4 Semua dokumen di atas perlu dihantar ke pejabat FBK kecuali Perkara 9.2.4
- 9.5 Tesis akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya **DUA (2)** orang pemeriksa dalam bidang, sama ada dari FBK, fakulti lain di UniSZA atau institusi luar.
- 9.6 Pembentangan akan dilakukan di dalam kolokium fakulti. Kolokium akan dijalankan secara hibrid pada **MINGGU KETIGA** setiap bulan. Sila rujuk laman sesawang rasmi FBK untuk maklumat lanjut tentang tarikh kolokium.

- 9.7 Sesi pembentangan akan dihadiri oleh Jawatankuasa Panel Penilai dan sekretariat kolokium **SAHAJA**.
- 9.8 Jawatankuasa tersebut akan memaklumkan salah satu keputusan berikut kepada pelajar:
  - 9.8.1 Lulus tanpa pembetulan.
  - 9.8.2 Lulus dengan pembetulan kecil.
  - 9.8.3 Lulus dengan pembetulan besar.
  - 9.8.4 Lulus dengan pembetulan besar dan ulang pembentangan.
- 9.9 Sekiranya lulus (Perkara 9.8.1, 9.8.2, atau 9.8.3), pelajar perlu membuat pembetulan berdasarkan komen daripada pemeriksa.
- 9.10 Setelah melakukan pembetulan, pelajar **WAJIB** menghantar Borang Pembetulan Pemantapan Tesis (Borang FBK-03) yang telah disahkan oleh penyelia kepada FBK.
- 9.11 Setelah menghantar Borang FBK-03, pelajar akan dibenarkan untuk memohon NoS.

## **10.0 NOTIS PENYERAHAN TESIS (NoS)**

- 10.1 Pelajar yang ingin membuat permohonan NoS perlu memenuhi syarat berikut:
  - 10.1.1 Mendaftar pada semester semasa.
  - 10.1.2 Menghantar Borang Pembetulan Pemantapan Tesis (Borang FBK-03) kepada FBK.
- 10.2 NoS perlu diisi secara dalam talian dengan memuat naik dokumen berikut:
  - 10.2.1 Sijil kehadiran dan lulus Kursus Metodologi Penyelidikan anjuran PPS.
  - 10.2.2 Bukti pendaftaran semester semasa.
  - 10.2.3 Bukti pembayaran yuran Peperiksaan Lisan (Viva Voce).
  - 10.2.4 Abstrak dalam bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris atau bahasa Arab.
  - 10.2.5 Bukti penerbitan artikel (mengikut syarat penerbitan berdasarkan program dan semester kemasukan).
- 10.3 Setelah NoS diluluskan oleh pihak Universiti, PPS akan menghubungi pelajar untuk proses seterusnya. Kelulusan NoS oleh pihak Universiti hanya sah untuk tempoh **TIGA (3)** bulan dan pelajar perlu menyerahkan tesis untuk pemeriksaan dalam tempoh tersebut.
- 10.4 Jika pelajar memerlukan pelanjutan masa untuk penyerahan tesis, mereka perlu menulis surat rayuan kepada Dekan PPS sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh akhir penyerahan tamat. Rayuan pelanjutan tempoh hanya dibenarkan **SATU (1)** kali sahaja.

## **11.0 PENGESAHAN ABSTRAK**

- 11.1 Penulisan abstrak **WAJIB** memenuhi syarat berikut:
  - 11.1.1 Ditulis dalam bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris atau bahasa Arab.
  - 11.1.2 Ditulis antara 300 hingga 500 patah perkataan.
  - 11.1.3 Mengandungi Pendahuluan, Metode, Keputusan dan Kesimpulan.

- 11.2 Sila rujuk templat abstrak pada Lampiran 2 untuk contoh.
- 11.3 Abstrak akan disahkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Siswazah FBK. Pengesahan abstrak oleh jawatankuasa ini melayakkan permohonan NoS pelajar ke peringkat seterusnya.

## 12.0 PROSES LAIN YANG BERKENAAN

- 12.1 Sila rujuk Buku Peraturan Akademik Siswazah terkini oleh PPS bagi mengetahui maklumat lanjut berkenaan perkara berikut:
  - a. NoS
  - b. Penyerahan Tesis untuk Pemeriksaan
  - c. Penangguhan Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*)
  - d. Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*)
  - e. Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) Ulangan
  - f. Penyerahan Tesis Akhir.
  - g. Pengijazahan
  - h. *Graduate on Time* (GOT)
  - i. Penamatan Pengajian
  - j. Rayuan Meneruskan Pengajian

## 13.0 NOTA PENTING

- 13.1 Setiap penyerahan tesis bagi Pembentangan Usulan Penyelidikan, Pemantapan Tesis (*Pre Viva*) dan Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) **PERLU** disemak oleh pembaca pruf.
- 13.2 Bagi penyerahan tesis bagi Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*), pelajar **PERLU** mendapatkan perakuan daripada pembaca pruf yang diluluskan FBK beserta cop rasmi. Sila rujuk FBK untuk senarai tersebut.
- 13.3 Pelajar yang ingin memohon pengecualian bacaan pruf tesis untuk Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) boleh mengisi Borang FBK-05.

- 13.4 Pelajar digalakkan untuk sentiasa mengikuti perkembangan terkini berkenaan program Pengajian Siswazah Mod Penyelidikan yang dikeluarkan oleh PPS dan FBK.
- 13.5 Maklumat terkini boleh didapati seperti mana saluran berikut:
- 13.5.1 Laman sesawang rasmi PPS (<https://pps.unisza.edu.my/>)
  - 13.5.2 Buku Peraturan Akademik Siswazah Mod Penyelidikan oleh PPS. Buku peraturan tersebut boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi PPS.
  - 13.5.3 Facebook rasmi PPS: UniSZA Graduate School (<https://www.facebook.com/ppsunistza>)
  - 13.5.4 Laman sesawang rasmi FBK (<https://fbk.unisza.edu.my/>)
  - 13.5.5 Facebook rasmi FBK- Fakulti Bahasa dan Komunikasi FBK (<https://www.facebook.com/fakulti.bahasa.komunikasi.unisza>)
  - 13.5.6 Kumpulan Telegram UniSZA PPS (*Graduate School Student Affairs and Administration*)  
(<https://t.me/joinchat/A3a3YRVbRDdmxvXQ66ZEkw>)



- 13.5.7 Kumpulan Telegram FBK Postgraduates  
(<https://t.me/joinchat/Hkbegh8rMOIpj5Ys>)



- 13.6 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan kepada PPS, sila hubungi atau WhatsApp di talian +609-6688795.
- 13.7 Sekiranya mempunyai pertanyaan kepada FBK, sila hubungi +609-6688960 atau e-mel kepada [jkpsfbk@gmail.com](mailto:jkpsfbk@gmail.com)

## LAMPIRAN 1

### PANDUAN ABSTRAK BAGI USULAN PENYELIDIKAN

BIL	PERKARA	KANDUNGAN
1	Tajuk	Maksimum 15 patah perkataan tidak termasuk kata penghubung. Nama khas dikira satu perkataan (contoh: Universiti Sultan Zainal Abidin)
2	Pendahuluan	Pengenalan ringkas Permasalahan kajian Tujuan atau objektif kajian
3	Metode	Pendekatan/ Reka bentuk kajian Pensampelan (jika berkaitan) Pengumpulan data (jika berkaitan) Analisis data/ Pembuktian teori, istilah, teknologi, tafsiran, produk atau penilaian (jika berkaitan)
4	Keputusan	Jangkaan dapatan
		<b>Jumlah patah perkataan: 200-250 patah perkataan</b>

# **TEMPLAT ABSTRAK BAGI USULAN PENYELIDIKAN**

## **TAHAP KEBOLEHBACAAN BUKU TEKS BAHASA ARAB LANJUTAN DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**

**Pengenalan:** Buku teks Bahasa Arab Lanjutan (BAL) digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) utama bagi kursus Bahasa Arab Lanjutan di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). Antara punca permasalahan PdP bahasa Arab di Malaysia ialah penggunaan buku teks yang kurang sesuai, tahap kualiti sederhana dan memerlukan penambahbaikan. Buku teks yang tidak sesuai dengan tahap kefahaman pelajar boleh menjadi faktor kegagalan kebolehbacaan BAL. Tambahan pula, kajian kebolehbacaan teks atau buku bahasa Arab di Malaysia masih lagi kurang, terutamanya di institusi pengajian tinggi. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti ciri linguistik yang terdapat dalam buku teks BAL, mengenal pasti tahap kebolehbacaan buku teks BAL dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS dan mengenal pasti perbezaan tahap kebolehbacaan buku teks BAL dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS berdasarkan jantina. **Metode:** Untuk mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan campuran antara kualitatif dan kuantitatif. Data dikumpul melalui analisis kandungan teks dan set ujian kloz. Ciri linguistik teks yang boleh mempengaruhi tahap kebolehbacaan dianalisis berdasarkan kekerapan. Analisis data ujian kloz menggunakan SPSS. Skor min diambil kira bagi mengukur tahap kebolehbacaan sementara ujian-t telah diguna pakai untuk membandingkan tahap kebolehbacaan berdasarkan jantina. Responden kajian terdiri daripada 169 orang pelajar peringkat diploma yang mengambil kursus Bahasa Arab Lanjutan di UnIPSAS. **Jangkaan Dapatkan:** Jangkaan dapatan mendapati ciri linguistik tidak menjadi faktor penyumbang kepada tahap kebolehbacaan buku teks BAL yang tinggi. Kemungkinan terdapat faktor lain iaitu kekurangan kosa kata dalam kalangan pelajar. Tahap kebolehbacaan buku teks bahasa Arab Lanjutan di UnIPSAS pula berada pada tahap tidak memuaskan manakala ujian-t membuktikan perbezaan tahap kebolehbacaan berdasarkan jantina adalah tidak signifikan.

## LAMPIRAN 2

# PANDUAN ABSTRAK BAGI PEMANTAPAN TESIS DAN PEPERIKSAAN LISAN

BIL	PERKARA	KANDUNGAN
1	Tajuk	Maksimum 15 patah perkataan tidak termasuk kata penghubung. Nama khas dikira satu perkataan (contoh: Universiti Sultan Zainal Abidin)
2	Pendahuluan	Pengenalan ringkas Permasalahan kajian Tujuan/ objektif kajian
3	Metode	Pendekatan/ Reka bentuk kajian Pensampelan (jika berkaitan) Pengumpulan data (jika berkaitan) Analisis data/ Pembuktian teori, istilah, teknologi, tafsiran, produk atau penilaian (jika berkaitan)
4	Keputusan	Dapatan kajian
5	Kesimpulan	Sumbangan kajian Implikasi (jika berkaitan)
		<b>Jumlah patah perkataan: 300-500 patah perkataan</b>

# **TEMPLAT ABSTRAK BAGI PEMANTAPAN TESIS DAN PEPERIKSAAN LISAN**

## **TAHAP KEBOLEHBACAAN BUKU TEKS BAHASA ARAB LANJUTAN DALAM KALANGAN PELAJAR DIPLOMA UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**

**Pengenalan:** Buku teks Bahasa Arab Lanjutan (BAL) digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) utama bagi kursus Bahasa Arab Lanjutan di Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). Antara punca permasalahan PdP bahasa Arab di Malaysia ialah penggunaan buku teks yang kurang sesuai, tahap kualiti sederhana dan memerlukan penambahbaikan. Buku teks yang tidak sesuai dengan tahap kefahaman pelajar boleh menjadi faktor kegagalan kebolehbacaan BAL. Tambahan pula, kajian kebolehbacaan teks atau buku bahasa Arab di Malaysia masih lagi kurang, terutamanya di institusi pengajian tinggi. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti ciri linguistik yang terdapat dalam buku teks BAL, mengenal pasti tahap kebolehbacaan buku teks BAL dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS dan mengenal pasti perbezaan tahap kebolehbacaan buku teks BAL dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS berdasarkan jantina. **Metode:** Untuk mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan campuran antara kualitatif dan kuantitatif. Data dikumpul melalui analisis kandungan teks dan set ujian kloz. Ciri linguistik teks yang boleh mempengaruhi tahap kebolehbacaan dianalisis berdasarkan kekerapan. Analisis data ujian kloz menggunakan SPSS. Skor min diambil kira bagi mengukur tahap kebolehbacaan sementara ujian-t telah diguna pakai untuk membandingkan tahap kebolehbacaan berdasarkan jantina. Responden kajian terdiri daripada 169 orang pelajar peringkat diploma yang mengambil kursus Bahasa Arab Lanjutan di UnIPSAS. **Keputusan:** Dapatkan mendapati ciri linguistik tidak menjadi faktor penyumbang kepada tahap kebolehbacaan buku teks BAL yang tinggi. Kemungkinan terdapat faktor lain iaitu kekurangan kosa kata dalam kalangan pelajar. Tahap kebolehbacaan buku teks bahasa Arab Lanjutan di UnIPSAS pula berada pada tahap tidak memuaskan manakala ujian-t membuktikan perbezaan tahap kebolehbacaan berdasarkan jantina adalah tidak signifikan. **Kesimpulan:** Dapatkan kajian ini menyarankan kepada penggubal buku teks BAL supaya mempermudah teks dan perkataan yang terdapat dalam buku tersebut. Pihak berkenaan seharusnya menggantikan perkataan sukar kepada perkataan mudah dan mengubah ayat kompleks kepada ayat mudah.